

08/04/2001

P Pinang benam Sarawak

Ridzuan Yop

PULAU Pinang kembali semula ke landasan kemenangan dengan menumbangkan pendahulu liga, Sarawak hasil kemenangan 3-1 dalam saingan bola sepak Perdana Satu di Stadium Negeri, Batu Kawan, malam tadi.

Pasukan Pulau Mutiara tidak menunggu lama untuk melakukan asakan dan seawal minit pertama mereka hampir mendahului, namun sepakan Ng Kok Heng hasil hantaran Mohd Aiman Wong tersasar beberapa meter sebelah kiri pintu gol Sarawak.

Tuan rumah terus menggandakan serangan, namun gagal menembusi barisan pertahanan Sarawak yang begitu kental menahan asakan.

Akhirnya, Pulau Pinang berjaya mendapatkan gol dicari-cari selepas sepakan kencang Mohd Noor Mohd Derus hasil lorongan Yong Woon Seang dari luar kotak penalti minit ke-30 yang gagal diselamatkan Mazlan.

Mohd Noor Derus sekali lagi hampir menambah jaringan pada minit ke-42 yang berpunca daripada lorongan oleh Mohd Fareed Shah. Namun sepakan leretnya hanya sedikit tersasar dari kiri pintu gol Sarawak.

Pulau Pinang yang mempertajamkan barisan serangannya membawa masuk ayam tambatannya, Hasmawi Hassan menggantikan Mohd Noor Derus pada minit ke-69.

Kemasukan Hasmawi mencerikan penyokong Pulau Pinang apabila bola sentuhan pertamanya pada minit ke-70 hasil hantaran Mohd Fareed Shah menerjah gawang selepas dia hanya berhadapan penjaga gol Sarawak.

Pasukan pelawat itu yang agak tertekan dan lebih banyak membuat percubaan daripada luar kotak penalti pintu gol Pulau Pinang akhirnya memperolehi gol pertamanya pada minit ke-83 apabila Ramles Sari melakukan sepakan kencang menewaskan penjaga gol Pulau Pinang, Megat Amir Faisal.

Gol itu memberikan semangat kepada Sarawak untuk menambah gol dan hampir menyamakan kedudukan pada minit ke-86, namun sepakan Mohd Nazri Yunus hanya melepasi beberapa meter palang gol Pulau Pinang.

Sewaktu Pulau Pinang seakan berpuas hati dengan dua gol, gerakan berpunca daripada Hasmawi Hassan berjaya menambah satu lagi gol hasil sepakan Oo Hoe Guan pada minit ke-90, melepasi jangkauan Mazlan Wahid.

PULAU PINANG: Megat Amir Faisal, Nordin Kamis, M Karunakaran, Yong Woon Seang, Chee Wan Hoe, Mohd Fareed Shah (Mohd Mahathir Jamal), Ng Kok Heng, Sutesh Sankaran Nair (Ooi Hoe Guan), Mohd Nor Mohd Derus (Hasmawi Hassan), Mohd Aiman Wong, S Nanthakumar.

SARAWAK: Mazlan Abdul Wahid, Samsul Napiyah, Ramos Sari (Efandi Sugandi), Bobby Pian (Ramles Sari), Mohd Ali Sapiee, Halim Jantan, Mohd Zaidil Sakup, Ibrahim Mantali, Mohd Nazri Yunus, Gilbert Cassedy Gawing dan Jeffrey Untam.

PENGADIL: Mohamad Rodzali Yacob

(END)